

SOALAN LAZIM
myPTPTN Anytime, Anywhere!

1. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan kempen **myPTPTN Anytime, Anywhere!?**

Jawapan:

Kempen **myPTPTN Anytime, Anywhere!** merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan peminjam PTPTN melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten, pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan platform **myPTPTN** di samping mendidik orang ramai mengenai kelebihan transaksi tanpa tunai.

2. Soalan:

Bilakah kempen ini akan bermula?

Jawapan:

Kempen ini akan bermula pada **1 Januari 2025** dan berakhir pada **31 Mac 2025**.

3. Soalan:

Siapakah yang **layak** untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini terbuka kepada peminjam PTPTN yang merupakan **pengguna berdaftar myPTPTN** di dalam tempoh kempen **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

4. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **pengguna berdaftar**?

Jawapan:

Pengguna berdaftar adalah merupakan pengguna yang telah mendaftar myPTPTN di web atau di telefon pintar.

5. Soalan:

Apakah syarat penyertaan dan kelayakan cabutan bagi kempen ini?

Jawapan:

Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pengguna Baharu myPTPTN	Pengguna Sedia Ada myPTPTN
i.	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam PTPTN yang memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN semasa tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam PTPTN yang merupakan pengguna sedia ada myPTPTN dan membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.
ii.	Kelayakan Cabutan	<p>a) Dua Puluh (20) kelayakan cabutan bagi peminjam PTPTN yang berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p>b) Sepuluh (10) kelayakan* cabutan bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p><i>*Kelayakan cabutan diberi sekali setiap bulan apabila peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi.</i></p>	<p>Sepuluh (10) kelayakan* cabutan bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p><i>*Kelayakan cabutan diberi sekali setiap bulan apabila peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi.</i></p>

6. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **Kategori Khas** dan syarat penyertaan bagi kategori ini?

Jawapan:

Kategori Khas adalah kategori yang diadakan istimewa buat pelanggan baharu yang ke 2.5 juta berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di **myPTPTN**.

7. Soalan:

Sekiranya pemenang memenangi Kategori Khas, adakah pemenang masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Ya, pemenang **layak** dan berpeluang untuk menyertai cabutan tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

8. Soalan:

Adakah peminjam perlu membuat permohonan untuk melayakkan penyertaan bagi kempen ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan bagi menyertai kempen ini adalah secara automatik bagi peminjam yang telah memenuhi terma dan syarat.

9. Soalan:

Adakah pengguna sedia ada layak untuk mendapatkan **dua puluh (20) kelayakan cabutan**?

Jawapan:

Tidak layak, ini kerana **dua puluh (20) kelayakan cabutan** adalah untuk **peminjam PTPTN yang baharu berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN semasa tempoh kempen sahaja**.

10. Soalan:

Bagaimanakah **sepuluh (10) kelayakan* cabutan** bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 melalui myPTPTN semasa tempoh kempen akan diambil kira sebagai cabutan?

Jawapan:

Contoh pengiraan kelayakan cabutan adalah berdasarkan seperti di bawah:-

Perkara	Januari	Februari	Mac	Jumlah Kelayakan Cabutan Terkumpul
Bayaran Balik Pinjaman (RM)	100	250	50	20
Kelayakan Cabutan	10	10	-	

*Kelayakan cabutan diberi sekali setiap bulan apabila peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi.

11. Soalan:

Berapakah **jumlah RM** yang dibenarkan bagi melayakkan penyertaan dan kelayakan cabutan untuk kempen ini?

Jawapan:

Peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan **minimum RM100** dalam satu transaksi melalui myPTPTN semasa tempoh kempen akan mendapat **sepuluh (10) kelayakan* cabutan**.

12. Soalan:

Sekiranya berlaku kematian peminjam PTPTN dalam tempoh kempen, adakah akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

13. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Hadiyah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:-

Cabutan myPTPTN Anytime, Anywhere!

Hadiah	Bilangan Pemenang
RM1,000	25

Kategori Khas

Hadiah	Bilangan Pemenang
RM2,500	1

14. Soalan:

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

15. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen ini akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.

16. Soalan:

Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

Jawapan:

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.

17. Soalan:

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

Jawapan:

Hadiah tunai berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian Careline [03- 2193 3000](tel:03-21933000) untuk info lanjut.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **myPTPTN Anytime, Anywhere!**

Maklumat dikemaskini pada 7 Januari 2025